

# KONFLIK ISRAEL – PALESTIN DARI ASPEK SEJARAH MODEN DAN LANGKAH PEMEBASAN DARI CENKAMAN ZIONIS

Oleh:  
Mohd Roslan Mohd Nor\*

## Abstrak

*Presiden Amerika Syarikat, Obama, ketika berucap di Cairo pada bulan Jun 2009 melahirkan rasa simpati kepada masyarakat Palestin yang telah ditindas selama lebih satu abad. Peristiwa penjajahan zionis ke atas Palestin telah merubah lanskap pemerintahan di Asia Barat. Ada di antara sarjana yang menyatakan bahawa selagi kezaliman dilakukan oleh golongan zionis, selagi itulah tidak akan wujud keamanan di rantau tersebut secara khusus dan di dunia ini secara umum. Artikel ini meninjau dari aspek sejarah moden mengenai konflik yang berlaku dan mencadangkan beberapa langkah yang boleh diketengahkan untuk kebaikan dan keamanan sejagat.*

**Kata kunci:** Konflik Palestin, Israel, Zionis, Asia Barat, Keamanan

## Abstract

*President of the United States, Obama, speaking in Cairo in June 2009, expressed deep sympathy to the Palestinians who have been oppressed for over a century. Zionist occupation of Palestine has changed the landscape of government in the Middle East. Some of the scholars believe that as long as the injustice committed by the Zionists, so long that there can be no peace in the region in particular and the world in general. This article is to review aspects of the modern history of the conflict and suggests some steps that can be brought to the goodness and global peace.*

**Keywords:** Palestine conflict, Israel, Zionist, Middle East, Peace

## Pendahuluan

Konflik yang berlaku di Palestin di antara Arab dan Israel telah berlarutan sejak sekian lama. Jika dikira dari tarikh rasmi penubuhan negara Israel pada 15 May 1948, kita akan dapati bahawa konflik tersebut sudah berlangsung selama lebih 6 dekad. Manakala jika ditinjau dari aspek sejarah Palestin moden, ia telah jatuh ke tangan pihak British semenjak tahun 1917. Ini berlaku ketika pentadbiran kerajaan Turki Uthmaniyyah telah dikalahkan oleh tentera British di bawah pimpinan General Allenby. Selepas kira-kira 3 tahun, pihak League of Nations – Liga Bangsa-bangsa (sebelum ditukar menjadi United Nations – Bangsa-bangsa Bersatu), telah memberi mandat kepada pihak British untuk mentadbir Palestin.

---

\* Mohd Roslan Mohd Nor, PhD, merupakan Pensyarah Kanan dan Ketua Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Beliau boleh dihubungi melalui email: m\_roslan@um.edu.my.

Ketika itu, Palestin secara rasmi diletakkan di bawah pentadbiran pihak British yang juga dikenali sebagai British Mandate. Ketika penulis menyelidik beberapa sumber, didapati bahawa para sarjana hampir sepakat mengatakan bibit-bibit kejatuhan Palestin itu bermula sejak akhir abad ke 19 Masihi disebabkan oleh kelemahan pemerintahan kerajaan Turki Uthmaniyyah. Ia turut ditambah dengan kewujudan agenda zionis selepas Pertubuhan Zionis Dunia (*World Zionist Organization*) ditubuhkan dengan rasmi pada tahun 1897.<sup>1</sup>

Umat Islam di Palestin tidak berdiam diri ketika negara mereka di bawah pemerintahan British. Ia seakan bentuk penjajahan yang berlaku ke atas negara mereka, sepertimana juga boleh digambarkan dengan apa yang berlaku di Tanah Melayu. Di Palestin, para penduduk mereka termasuk para ulama' terus berjuang untuk mencari keadilan dan membebaskan negara mereka dari cengkaman pihak luar. Nama-nama seperti Haji Husaini, Mufti Palestin, terkenal dengan sikap yang ditunjukkan beliau dalam menentang dasar-dasar pihak penjajah yang mula berlembut dengan golongan Yahudi dan membawa golongan ini masuk ke Palestin. Ini adalah sebahagian dari usaha pihak Zionis untuk menyelamatkan golongan Yahudi yang ditindas di Eropah, lebih-lebih lagi di Eropah Timur. Usaha golongan Yahudi ini sebetulnya didalangi oleh Pertubuhan Zionis, satu kumpulan yang ditubuhkan pada asalnya untuk membela golongan Yahudi. Tetapi oleh kerana ia dipimpin oleh golongan sekular, maka sebahagian mereka ingin menubuhkan sebuah negara. Ini juga terkandung di dalam dokumen yang dikenali sebagai Judenstat atau The State of Israel. Ia adalah hasil daripada pemimpin pertama Pertubuhan Zionis, iaitu Theodor Herzl. Dokumen ini telah menjadi bahan utama dalam mereka mencari jalan untuk menubuhkan sebuah negara bagi golongan Yahudi.

### **Agenda Zionis<sup>2</sup> dalam Menakluk Palestin**

Hasrat Zionis berjaya dikembangkan selepas kerajaan Islam Turki Uthmaniyah lemah dan tidak dapat mempertahankan tanah penduduk Islam. Walaupun Sultan Abdul Hamid II tidak membenarkan permintaan untuk mewujudkan negara Israel

---

<sup>1</sup> Lihat Gelvin, James L. (2005), *The Israel-Palestine Conflict One Hundred Years of War*, Cambridge University Press, h. 52; Bard, Mitchell Geoffrey & Schwartz, Moshe (2005), *1001 Facts Everyone Should Know About Israel*, US: Rowman and Littlefield Publishers, h. 3.

<sup>2</sup> Istilah Zionis terdiri daripada dua perkataan iaitu 'ZION' dan 'ISME'. Perkataan 'Zion' diambil daripada perkataan Ibrani (bahasa Yahudi) yang bermaksud 'batu'. Batu yang dimaksudkan disini ialah ikatan batu bangunan istana atau 'Haikal' yang didirikan oleh Nabi Sulaiman di kota Al-Quds. Manakala 'Isme' pula (bahasa Inggeris) yang bermaksud 'fahaman' atau 'ajaran'. Oleh sebab itu, gabungan daripada 'Zion' dan 'isme' membentuk satu ideologi yang dianuti oleh bangsa Yahudi di seluruh dunia. fahaman ini menyatakan bahawa bangsa Yahudi akan mendirikan sebuah kerajaan 'Israel Kubra' (Israel Raya) serta menjadikan kota Al-Quds ini sebagai ibu kotanya. Kesimpulannya, Zionisme adalah adaptasi daripada beberapa perkataan yang memberi makna yang menjurus kepada bentuk ideologi yang dianut oleh bangsa Yahudi sedunia dan ini telah menolak tanggapan bahawa Zionisme adalah satu gerakan yang didokong oleh mereka. Oleh itu, istilah ini sering kita dengari dimana-mana kerana mereka menganut fahaman ini dan Zionis pula di guna pakai kepada bangsa Yahudi.

di Palestin,<sup>3</sup> tetapi beliau tidak dapat menghalang perkara ini kerana lobi zionis cukup kuat di England. Lobi zionis diketuai oleh Dr C Wheizmann,<sup>4</sup> penggerak Gerakan Zionis British dan merupakan Ketua Perunding Zionis (*Chief Zionist Negotiator*) untuk mendapatkan sokongan dari Britain itu.

Pihak Pertubuhan Zionis mempunyai agenda tersendiri untuk mewujudkan sebuah negara bagi bangsa Yahudi di Palestin yang diskong oleh undang-undang awam (public law). Ini dapat dilihat melalui perancangan Zionis untuk mencapai agenda utama ini dengan penumpuan kepada 4 perkara:<sup>5</sup>

1. Melakukan promosi, mengikut kesesuaian, tentang penjajahan Palestin melalui sistem pertanian Yahudi dan pekerja industri.
2. Mewujudkan organisasi dan kerjasama dengan seluruh jentera Yahudi dengan cara menguasai institusi, tempatan atau antarabangsa dengan mengikut undang-undang setiap negara.
3. Menguatkan dan meningkatkan kesedaran serta sentimen kebangsaan Yahudi.
4. Melakukan persediaan untuk mendapatkan pengiktirafan kerajaan, jika perlu, untuk menjalankan tujuan serta agenda Zionis.

Jika diperhatikan dengan teliti ketetapan di atas yang dipersetujui oleh Zionis, maka akan difahami bahawa Zionis merancang rapi untuk menjayakan agenda utama mereka dengan cara melobi untuk mendapatkan pengiktirafan terhadap

---

<sup>3</sup> Pada tahun 1901, pemimpin zionis pertama Theodor Herzl telah cuba melakukan rundingan terus dengan Sultan Turki. Beliau mengemukakan cadangan untuk membenarkan imigran Yahudi masuk ke Palestin dengan menawarkan tawaran menarik iaitu bantuan kewangan untuk membantu mendapatkan sumber-sumber dan barang keperluan untuk Empayar Othmaniyah. Namun begitu, di atas prinsip tegas Sultan Turki ini, beliau tidak membenarkan Palestin menerima kedatangan gerombolan kaum Yahudi, walaupun ditawarkan dengan wang sebagai umpan. Dan tawaran Herzl itu tertolak begitu sahaja. Lihat Mallison, W. Thomas and Mallison, Sally V. (1986). *The Palestine Problem in International Law and World Order*, UK: Longman Group Limited, h. 20 – 21.

<sup>4</sup> Beliau merupakan seorang saintis Yahudi, dilahirkan di Rusia, dibesarkan dalam tradisi Yahudi di kampung asalnya (*his native shtetl*) of Motel, berhampiran Pinsk, dan belajar di universiti terkemuka di Switzerland dan Jerman. Beliau berjaya memperolehi PhD dalam bidang Kimia dari Universiti Freiburg. Dilantik sebagai *reader* (professor madya) dalam bidang Kimia pada tahun 1904 di Universiti Manchester, UK. Oleh kerana beliau berpegang kepada tradisi Yahudi sepanjang kehidupan awalnya, maka dia telah memilih dengan cepat tanpa ragu untuk menyertai gerakan English Zionist selepas beliau tinggal di Manchester. Dengan kecemerlangannya dalam bidang akademik, dan latarbelakang yang kuat berpegang kepada ajaran Yahudi, beliau dengan mudah dalam masa tidak sampai 10 tahun berjaya menjadi pemimpin Anglo-Zionism. Pada tahun 1914, beliau telah berjaya memperolehi sokongan taat setia dari kelompok terkemuka Yahudi di England, sokongan dari Rabbi berpengaruh iaitu Herzl dan Gaster, sokongan dari hartawan Lionel dan James Rothschild, serta sokongan para intelek mereka seperti Herbert Bentwich dan Harry Sacher. Lihat Sachar, Howard Morley, (1963), *The Course of Modern Jewish History*, New York: A Delta Book, h. 372. Menurut Mallison, beliau berpindah ke England pada tahun 1904 kerana beliau yakin bahawa dikalangan negara-negara kuasa besar dunia, hanya England yang boleh memberi sokongan efektif kepada gerakan zionis. Lihat: Mallison, W. Thomas and Mallison, Sally V., (1986). *op.cit*, h. 21.

<sup>5</sup> Mendes-Flohr, Paul and Reinharz, Jehuda (1995). *The Jew in the Modern World: A Documentary History*, New York: Oxford University Press, h. 540.

mereka. Strategi yang digunakan dengan bekerja berdasarkan undang-undang sesuatu negara juga menunjukkan betapa teliti pergerakan mereka sehingga tidak mahu dilihat sebagai penentang kepada sesebuah negara. Apabila ini dapat dijayakan, maka negara-negara yang ada di dunia akan melahirkan simpati terhadap golongan Yahudi.

Disebabkan oleh kebolehan mereka untuk melobi ini telah menyebabkan simpati kuasa besar pada ketika itu iaitu Britain untuk menyokong penubuhan sebuah negara untuk orang Yahudi di Palestin. Ini dapat dilihat melalui Deklarasi Balfour yang dikeluarkan pada 2 November 1917. Deklarasi tersebut menyatakan:

*“His Majesty’s Government view with favour the establishment in Palestine of a national home for the Jewish people, and will use their best endeavours to facilitate the achievement of this object, it being clearly understood that nothing shall be done which may prejudice the civil and religious rights of existing non-Jewish communities in Palestine, or the rights and political status enjoyed by Jews in any other country.”<sup>6</sup>*

Deklarasi ini dengan jelas telah menyebut bahawa kerajaan Britain menyokong penubuhan negara untuk bangsa Yahudi di Palestin. Ia juga menunjukkan betapa pihak Britain akan memastikan bersungguh-sungguh supaya negara itu wujud, walaupun hakikatnya masyarakat yang menduduki tanah Palestin itu adalah hampir keseluruhannya Arab, majoritinya di kalangan Muslim dan sebahagian Kristian. Secara tidak lansung, pihak Zionis telah mendapat sokongan padu bagi menjayakan agenda utama mereka. Ketika itulah mereka terus mempergiat usaha untuk menawarkan kepada golongan Yahudi di Eropah terutama mereka yang berada di Eropah Timur untuk berhijrah ‘pulang’ ke Palestin.

Golongan Yahudi di Eropah Timur sememangnya memerlukan pembelaan kerana mereka telah ditindas sejak sekian lama. Mereka adalah golongan yang tidak mendapat tempat, malah mereka amat bimbang untuk mengaku sebagai Yahudi kerana mereka akan dihalau, dipaksa dan sebagainya. Sebab itulah wujudnya istilah anti-semitism, di mana ia sebenarnya berlaku di Eropah. Ini jelas dapat dilihat apabila Achcar ada menyatakan *“previous waves of anti-Semitism were at their peak when you had Jewish immigration from Eastern Europe – that’s a well-known historical fact.”<sup>7</sup>*

---

<sup>6</sup> Deklarasi Balfour banyak dirakam di dalam penulisan-penulisan, diantaranya: Gelvin, James L. (2005), *The Israel-Palestine Conflict One Hundred Years of War*, h. 81; Mallison, W. Thomas and Mallison, Sally V. (1986). *The Palestine Problem in International Law and World Order*, UK: Longman Group Limited, h. 47.

<sup>7</sup> Chomsky, Noam and Achcar, Gilbert (2008), *Perilous Power – The Middle East and US Foreign Policy: Dialogues on Terror, Democracy, War and Justice*, UK: Penguin Books, h. 204.

Tetapi terbalik pula pada waktu ini ada yang mengaitkan anti-semitism sebagai sikap Islam terhadap orang-orang Yahudi. Ini silap. Sebenarnya Yahudi telah mendapat pembelaan semenjak Islam mentadbir Palestin. Saidina Umar telah membenarkan golongan Yahudi untuk berkongsi kesucian Bayt al-Maqdis setelah mereka dihalang semenjak tahun 135 Masihi untuk memasuki kota tersebut oleh Roman Byzantine. Pada ketika ini, penentangan orang Islam ke atas Israel bukan kerana mereka Yahudi tetapi disebabkan oleh mereka merampas tanah orang Palestin untuk mendirikan negara mereka.

Peluang Zionis untuk membina negara bagi golongan Yahudi di Palestin terbuka luas kerana ketika Deklarasi Balfour dikeluarkan, Palestin sudah berada di bawah penjajahan British. Ini berlaku selepas pasukan tentera Islam di bawah kerajaan Turki Uthmaniyyah gagal untuk bertahan sehingga tewas dan terpaksa menyerahkan wilayah penuh sejarah itu kepada pihak lawan.

Banyak cara digunakan oleh Zionis untuk memungkinkan mereka mencapai hasrat mewujudkan sebuah negara. Mereka menghalau penduduk keluar dari kampung-kampung mereka, mencetuskan ketidakstabilan, menyerang masyarakat kampung dan sebagainya. Mereka didorong melakukan apa saja kerana mereka telah mendapat sokongan kuasa dunia. Jadi, tidak ada apa yang ditakutkan ketika mereka melakukan keganasan terhadap penduduk-penduduk Palestin.

### **Semangat Deklarasi Balfour**

Dr Wheizmann pada mulanya kecewa dengan deklarasi tersebut, kerana ia tidak tegas dan tiada jaminan jelas negara Israel akan diwujudkan. Perkataan '*view with favour*' itu tidak cukup kuat menjamin negara Israel MESTI diwujudkan. Oleh sebab itu Dr. Wheizmann meluahkan kekecewaannya dan menyatakan deklarasi itu sebagai "*a painful recession from what the Government itself was prepared to offer*".<sup>8</sup>

Menurut Cattan, tuntutan Zionis untuk mewujudkan sebuah negara bagi orang-orang Yahudi dengan mengatakan bahawa orang Yahudi mempunyai hubungan sejarah lama di Palestin itu sebenarnya tiada asas dalam perundangan (no basis in law), malah tiada asas yang nyata (in fact).<sup>9</sup> Beliau menegaskan bahawa di bawah undang-undang antarabangsa, sudah jelas dan nyata kaedah untuk mendapatkan sesuatu tanah atau daerah (territory). Dan mengaitkan dengan sejarah lama (historic title) tidak termasuk dalam kaedah itu. O'Connell pula turut menegaskan bahawa istilah *historic right* atau *historic title* digunakan dalam undang-undang antarabangsa untuk merujuk kepada permohonan mendapatkan hak kawasan (territory) yang berkaitan dengan perairan (*maritime*).<sup>10</sup>

---

<sup>8</sup> Cattan, Henry (1973), *Palestine and International Law*, London: Longman, h. v.

<sup>9</sup> *Ibid*, h. 48

<sup>10</sup> O'Connell, D.P, *International Law*, Vol I, h. 485-486.

Jelas di sini bahawa berdasarkan undang-undang antarabangsa, tidak ada sebuah negara pun boleh ditubuhkan atas alasan dia mempunyai kaitan sejarah semata-mata. Jadi Israel tidak boleh menggunakan hujah ini, lantas cara terbaik yang mereka lakukan ialah dengan merampas, menduduki dan menghalau penduduk Palestin dari tanah air mereka. Dalam erti kata lain, Israel telah menggunakan keganasan, sehingga sanggup membunuh Penduduk Palestin yang tidak bersalah seperti dalam peristiwa Deir Yasin pada tahun 1948.

Bagi Cattan, sebenarnya Deklarasi Balfour itu tidak mempunyai maksud untuk memberikan hak dan kekuatan politik (*political sovereignty*) kepada Yahudi di Palestin.<sup>11</sup> Beliau menanggapi bahawa ini dapat dilihat dari reaksi British sendiri yang telah mengeluarkan kenyataan pada tahun 1922, yang meminta supaya Deklarasi pada tahun 1917 itu “tidak sepatutnya menimbulkan sebarang kemarahan di kalangan rakyat Palestin ..... kerana ia tidak bermaksud untuk menghapuskan populasi masyarakat Arab di sana.”<sup>12</sup>

Tetapi, pada hemat penulis, kenyataan yang dikeluarkan oleh British itu sudah memadai untuk menunjukkan bahawa British sudah lunak dan menyebelahi golongan Zionis Yahudi. Kenyataan pada tahun 1922 itu hanya sekadar lontaran untuk meredakan kemarahan masyarakat Arab Palestin sahaja. Walau apa pun yang dijadikan alasan oleh pihak British, lihatlah kesannya setelah 31 tahun Deklarasi Balfour itu diumumkan, Israel sudah dapat menubuhkan sebuah negara disebalik kesengsaraan rakyat Palestin.

Inilah yang digambarkan oleh Cattan dengan ungkapan walaupun Deklarasi Balfour itu dikatakan tidak mempunyai visi yang kuat untuk menubuhkan negara Israel, tetapi ia telah memberi kekuatan kepada Gerakan Zionis untuk terus melobi kuasa besar dunia demi satu tujuan, iaitu untuk mewujudkan sebuah negara khusus kaum Yahudi; walaupun ditentang hebat oleh masyarakat Arab Palestin dan umat Islam amnya.

Lebih malang lagi bagi Arab Palestin, apabila pengiystiharan negara Israel dilakukan pada 15 May 1948 disokong oleh Perhimpunan Agung PBB yang secara rasmi mewujudkan sebuah negara “to be called Medinath Yisrael (The State of Israel)”.

### **Keganasan Yahudi sebelum Kewujudan Negara Israel – Kes Deir Yasin**

Kezaliman yang dilakukan oleh Yahudi mesti dinyatakan bukan semata-mata kerana kesalahan yang mereka lakukan. Tetapi kezaliman itu mesti disebarkan kepada umum kerana tindakan mereka menyebabkan kesan yang sangat mendalam kepada penduduk Arab-Palestin. Peristiwa yang tidak boleh dilupakan

---

<sup>11</sup> Cattan, 1973, *Palestine and International Law*, h. 55

<sup>12</sup> Ibid.

itu ialah pembunuhan beramai-ramai yang dilakukan oleh pasukan tentera Yahudi dikenali sebagai Irgun Zai Leumi pada 9 April 1948 ke atas penduduk Deir Yasin. Ia sebelumnya sebuah perkampungan sederhana, aman damai, terletak di sebelah barat Jerusalem dengan jarak kira-kira 1 batu setengah dari bandar tersebut dan perkampungan ini termasuk di dalam zon yang dikenali sebagai corpus separatum.

Satu kenyataan yang boleh dipercayai tentang peristiwa berdarah dan pembunuhan kejam ini, datang daripada Jacques de Reyneir, Ketua Delegasi Persatuan Palang Merah Antarabangsa, di mana beliau mengambil risiko sendiri untuk pergi melihat dan menyaksikan sendiri kesan daripada tragedi tersebut.

Beliau menyatakan dengan jelas bahawa 300 orang telah dibunuh dengan kejam. Tanpa sebarang sebab dari segi ketenteraan atau apa jua provokasi masyarakat Arab-Palestin, tetapi orang tua lelaki, wanita, kayak-kanak, bayi baru lahir, semuanya dibunuh dengan bom grenad dan pisau, begitu kejam, oleh pasukan tentera Yahudi, Irgun, dengan arahan secara jelas oleh ketua-ketua mereka.<sup>13</sup>

Kekejaman mereka ditambah dengan sikap brutal yang dahsyat. Bagi tujuan mendapatkan kesan yang lebih hebat dan memberi tekanan psikologi kepada masyarakat Arab-Palestin, tentera Irgun telah mengambil mangsa-mangsa yang terselamat dari pembunuhan beramai-ramai itu dan memasukkan mereka ke atas trak-trak mereka. Ini termasuk sebahagian darinya adalah wanita, di bawa berarak ke bandar dan dipamerkan di jalan-jalan sekitar Jerusalem<sup>14</sup> sebagai tanda kemenangan mereka dan hadiah ke atas kejayaan dari segi ketenteraan juga.<sup>15</sup> Pada malam yang sama, ketua-ketua teroris Yahudi yang telah merancang pembunuhan dan pembersihan etnik ini telah mengadakan sidang akhbar bagi menyatakan hasrat mereka untuk terus mengawal serta menguasai rantau tersebut.

Jumlah mangsa dikalangan masyarakat Arab-Palestin yang kehilangan tempat tinggal disebabkan kezaliman, keganasan dan pembuangan daerah oleh tentera Yahudi ini tidak dapat ditentukan dengan sah kerana tiada data dan tiada bancian yang dibuat ke atas pelarian, begitu juga tiada jumlah yang diperolehi berdasarkan tempat kelahiran atau tempat asal mereka.<sup>16</sup> Namun, sebilangan besar pelarian dari Jerusalem itu datang dari penempatan masyarakat Arab di Jerusalem moden, yang mana penempatan itu telah dikuasai oleh tentera Israel. Keseluruhan penempatan Arab ini telah dikosongkan dan pendudukan asal di penempatan tersebut dipaksa keluar.

---

<sup>13</sup> Lihat terjemahan dari de Reyneir, Jacques (1950), *A Jerusalem un Drapeau Flottait sur la Ligne de Feu*, Baconniere, Neuchatel, h. 213.

<sup>14</sup> Levin, Harry (1950), *Jerusalem Embattled*, London: Gollancz, h. 50.

<sup>15</sup> Menachem Begin (1951), *The Revolt: Story of the Irgun*, New York: Schuman, h. 30 – 50.

<sup>16</sup> Lihat Henry Cattin (1981), *Jerusalem*, London: Croom Helm, h. 45.

## **Palestin Selepas Kewujudan Negara Israel**

Walaupun penguasaan Yahudi terhadap rantau ini secara rasmi dinyatakan bermula dari pengisytiharan Israel sebagai sebuah negara pada 15 Mei 1948,<sup>17</sup> tetapi menurut Cattan pengisytiharan sebagai negara sebenarnya telah digembar-gemburkan oleh Israel sehari sebelum itu iaitu lagi.<sup>18</sup> Sejak penubuhannya secara rasmi, bermacam usaha yang dilakukan oleh Israel terutama untuk menguasai Jerusalem Timur (*East Jerusalem*) iaitu kawasan di mana terletak Masjid al-Aqsa dan Qubba al-Sakhrah (*The Dome of the Rock*).

Selepas penubuhan negara Israel disiytihkan, penduduk berbangsa Arab di Palestin menerima kesan yang sangat pedih, di mana ada di antara mereka yang dihalau keluar dari kampung halaman mereka. Ramai yang terpaksa keluar dari Palestin dan mula tinggal di kem-kem pelarian sementara yang didirikan di sekitar tanah Palestin seperti di Jordan, Syria, Lubnan dan Mesir. Sehingga hari ini, masih ramai yang tinggal di kem-kem pelarian tanpa mendapat pembelaan yang sewajarnya. Malah, dunia tetap menghukum mereka kerana tidak mahu memberikan kerjasama dalam menerima dan mengiktiraf kewujudan Israel.

Semenjak Israel menang Perang-6-Hari dan seterusnya menawan serta menjajah (*occupied*) Jerusalem Timur pada bulan Jun 1967,<sup>19</sup> Masjid al-Aqsa dan Bayt al-Maqdis terus dikuasai oleh Yahudi secara politik dan perundangan, sehinggalah ke hari ini. Masyarakat Islam Palestin dan antarabangsa tidak dapat untuk mengunjungi Masjid al-Aqsa secara bebas. Mereka harus mendapat kebenaran terlebih dahulu dari pihak tentera Israel. Inilah kesan penjajahan yang mereka lakukan ke atas tanah Palestin ini.

Hasil dari penjajahan itu juga, Palestin telah mengalami pelbagai peristiwa yang mewarnai kedukaan umat Islam. Pada 21 Ogos 1969, Masjid al-Aqsa telah diserang dan dibakar oleh musuh yang tidak bertanggungjawab. Bahagian masjid yang teruk terbakar ialah di sebelah tenggara yang turut dikenali sebagai al-Haram al-Sharif. Satu bahagian yang bersejarah turut hangus iaitu Mimbar Masjid berusia 1000 tahun yang telah didatangkan dari Aleppo pada zaman Salahudin al-Ayyubi. Pembakaran itu angkara durjana pelancong dari Australia, Michael Denis Rohan, penganut Kristian Evangelical, mazhab yang dikenali sebagai *Worldwide Church of God*.

Ini berlaku sudah tentu kerana tiada kawalan ketat yang dilakukan oleh tentera Israel terhadap pelancong asing yang berkulit putih. Tentera Israel hanya menyusahkan orang-orang beragama Islam sahaja untuk masuk ke Masjid al-Aqsa, tetapi membiarkan orang-orang lain, termasuk Yahudi dan Kristian masuk

---

<sup>17</sup> Pappe, Ilan (1994), *The Making of the Arab-Israeli Conflict 1947 – 51*, London: I. B Tauris & Co Ltd, h. 44.

<sup>18</sup> Cattan, Henry (1976), *Palestine and International Law*, UK: Longman Group Ltd, h. 21 – 23.

<sup>19</sup> *Ibid*, h. 167 – 169.



ke kawasan masjid itu. Di samping itu, berlaku banyak pergolakan untuk membantah kewujudan negara Israel disebabkan oleh ia ditubuhkan di atas tanah milik orang-orang Arab Palestin.

Pada tahun 1987, telah berlaku kebangkitan besar-besaran rakyat Palestin untuk membela diri dari penindasan berterusan. Ia masyhur dengan nama intifadah pertama, berlansung sehingga tahun 1993, ia kembali reda apabila perjanjian Oslo ditandatangani. Perjanjian itu adalah untuk berdamai dan meredakan kemarahan rakyat Palestin seterusnya untuk membolehkan rakyat Israel hidup seperti sediakala. Kebangkitan ke-2 rakyat Palestin berlaku pada tahun 2000, bermula pada 29 September. Ia berlaku selepas kesucian Masjid al-Aqsa dicemari dengan lawatan oleh Perdana Menteri Israel iaitu Ariel Sharon pada 28 September 2000 diiringi oleh 1000 tentera Israel. Lawatan secara sengaja itu telah menyebabkan berlakunya intifadah ke-2 rakyat Palestin. Mereka bangkit menentang tindakan yang dilakukan oleh Sharon itu, di mana ia telah mencemarkan tempat ibadah umat Islam dan dengan sengaja menaikkan kemarahan umat Islam. Rakyat Palestin bangkit memprotes pada keesokannya, selepas solat Jumaat mereka menentang pasukan pengawal Israel yang telah menyebabkan lebih 200 orang Islam cedera, sekurang-kurangnya 4 orang maut.<sup>20</sup> Kebangkitan ke-2 ini telah berlansung dengan agak lama, sehinggalah ada beberapa usaha damai yang ingin dilakukan seperti Road Map 2002, 2005 dan persidangan Annapolis pada tahun 2007.

Keganasan Israel berterusan secara besar-besaran berlaku apabila mereka menyerang Gaza pada akhir 2008 hingga 22 Januari 2009 yang telah meranapkan sebuah daerah kecil dengan begitu dahsyat sekali. Mereka menyerah tidak kira masa dan ketika, tidak menghiraukan sekolah, rumah ibadah dan apa sahaja bangunan yang ada, semua menjadi mangsa pengeboman. Rakyat yang terkorban kerana serangan itu mencecah ribuan manusia. Israel melakukan keganasan ini untuk memerangi Hamas yang memerintah Gaza bermula Mac 2006. Mereka menganggap Hamas sebagai golongan teroris yang harus diperangi. Mereka juga melobi barat supaya tidak memberi bantuan kewangan kepada kerajaan Hamas tersebut.

### **Palestin Dalam Cengkaman Israel**<sup>21</sup>

Dalam dunia kontemporari hari ini, kita melihat bahawa pada hakikat bahawa Palestin berada di bawah penguasaan Yahudi yang telah menubuhkan negara Israel di atas tanah yang dirampas dari penduduk Arab terutamanya penduduk Islam.

---

<sup>20</sup> Gelvin, James L. (2005), *The Israel – Palestine Conflict*, h. 242 – 243.

<sup>21</sup> Bahagian ini dipetik dari Abdul Ghani Samsudin dan Mohd Roslan Mohd Nor (2008). 'Beberapa Langkah Awal untuk Pembebasan al-Aqsa,' kertas kerja yang dibentangkan di *al-Aqsha International Conference* pada 21 Ogos 2008, anjuran Center of Middle East Studies (COMES), di Auditorium Adhyana Wisma Antara Jakarta, Indonesia, h. 4 – 5.

Manakala pada bulan Februari 2007, pengorekan telah berlaku di mana pihak Israel ingin membina jejantas. Walaupun pengorekan itu berlaku pada jarak 60 meter dari Masjid al-Aqsa, namun umat Islam tetap membantahnya kerana khuatir akan kesan yang akan dihadapi nanti. Ini menyebabkan Perdana Menteri Palestin, Ismail Haniya memohon supaya pejuang-pejuang Palestin bersatu demi mempertahankan Al-Aqsa. Pengorekan di bawah tapak Masjid al-Aqsa ini bukan perkara baru. Ia tidak lain bertujuan untuk memusnahkan Masjid al-Aqsa bagi dibina apa yang dikenali sebagai Haikal Sulaiman, lambang keunggulan bagi orang Yahudi.

Rencana keamanan tajaan Amerika yang turut dikenali sebagai 'road map' seakan tidak mampu untuk merungkai persoalan mencari kedamaian di Palestin dan mengembalikan Bayt al-Maqdis serta seluruh tanah itu kepada umat Islam. Israel turut tidak serius dalam hal menyelesaikan konflik ini. Ia jelas apabila Israel dengan begitu angkuh membina tembok pemisah antara Israel dan sempadan Jerusalem. Mereka seolah ingin menggambarkan kepada dunia bahawa masyarakat Muslim Palestin itu ganas, lalu perlu dibina tembok itu bagi menghalang orang Islam masuk ke kawasan mereka. Inilah bukti nyata perang psikologi yang dimainkan oleh Israel. Amerika dikenali sebagai pembantu utama kepada Israel. Pada tahun 2004 sahaja Amerika telah menyalurkan \$2.3 bilion sebagai bantuan ketenteraan dan \$500 milion sebagai bantuan ekonomi ke atas Israel.<sup>22</sup> Mengapa Amerika beria sangat membantu Israel? Sudah tentulah ia mempunyai kepentingan tertentu di Timur Tengah itu dan hanya Israel sahajalah yang boleh membantu Amerika dalam mencapai agenda yang diinginkan.<sup>23</sup>

Malah apa yang ditekankan oleh Amerika iaitu untuk membentuk sebuah negara Palestin yang merdeka, dilihat mempunyai agenda tersendiri. Jika ini yang diperjuangkan oleh Amerika, maka ia bermaksud memaksa umat Islam untuk menerima kewujudan negara Israel tersebut. Kawasan yang ingin dijadikan negara Palestin itu hanyalah dua daerah kecil, iaitu Jerusalem dan Gaza. Apakah ini nilai sebuah negara Palestin? Apakah semudah itu untuk membenarkan Israel terus menguasai tanah Palestin ini? Apakah seluruh umat Islam boleh menerima kenyataan kewujudan negara Israel yang menjajah tanah rakyat Palestin itu? Ini yang harus dipersoalkan.

Selagi mana Zionis Israel menguasai Palestin, di tambah dengan bantuan Amerika, selagi itulah umat Islam akan terus sengsara menanti suatu kepastian yang tidak pasti. Lihatlah apa yang berlaku baru-baru ini di mana seorang lelaki Palestin diperlakukan dengan kejam. Beliau ditembak dalam keadaan matanya

---

<sup>22</sup> [http://www.aqsa.org.uk/Portals/0/Leaflets/LF\\_22\\_USA&Israel.pdf](http://www.aqsa.org.uk/Portals/0/Leaflets/LF_22_USA&Israel.pdf), diakses pada 5 Ogos 2008.

<sup>23</sup> Pada tahun 1953, German menjanjikan bantuan sebanyak \$700 million sebagai ganti rugi kepada peristiwa Holocaust. France memberi bantuan ketenteraan. Amerika Syarikat memberi \$3 billion bantuan *direct* setiap tahun dan hampir \$3 billion lagi bantuan *indirect*. Lihat Gelvin, James L. (2005), *The Israel – Palestine Conflict*, h. 170.

ditutup, tangannya diikat, lalu seorang tentera Israel tanpa rasa kemanusiaan, terus membedil dengan senapan canggih mereka. Begitu mudah mereka mahu meragut nyawa umat Islam di al-Aqsa sekarang. Inilah yang digambarkan oleh Noam Chomsky sebagai suatu perkara yang tidak mengejutkan: *It is not surprising that a US client state should adopt standard US military doctrine, which has left a toll too awesome to record, including very recent years.*<sup>24</sup>

Chomsky turut mengatakan bahawa sekiranya masyarakat Palestin itu berkulit hitam, sudah tentu apa yang dibuat oleh Israel sekarang atas bantuan Amerika boleh dikategorikan sebagai *Apartheid* moden. Beliau menyatakan: *And just as the black population was allowed into South Africa's white areas in disgracefully under-resourced townships, so Israel's treatment of Israeli Arabs - flagrantly discriminating against them in housing and education spending - would be recognised as scandalous too.*<sup>25</sup>

### **Palestin sebagai Rantau Penting Umat Islam**

Umat Islam menganggap bumi Palestin sebagai satu rantau penting. Ini berdasarkan kepada nas dan juga sejarah. Di dalam hadith ada ditegaskan bahawa bumi Palestin sebagai antara tempat yang semestinya diutamakan oleh umat Islam. Sebuah hadith berbunyi:

عن أبي هريرة رضي الله عنه عن النبي صلى الله عليه وسلم قال  
لا تشد الرحال إلا إلى ثلاثة مساجد المسجد الحرام ومسجد الرسول صلى الله عليه وسلم ومسجد  
الأقصى

Maflum Hadith:

*Jangan kalian keluar berjalan melainkan untuk melawat tiga tempat ibadat iaitu masjid al-Ḥarām, masjid al-Nabawī dan Masjid al-Aqṣā (Ṣaḥīḥ Bukhārī).*<sup>26</sup>

Merujuk kepada hadith ini, dapat difahami bahawa Masjid al-Aqṣā adalah yang ketiga suci di dalam Islam dan umat Islam sangat digalakkan untuk melawat masjid ini, di samping dua lagi masjid iaitu Masjid al-Ḥarām di Mekah dan Masjid al-Nabawī di Madinah. Ini jelas membuktikan bahawa Islam tidak pernah melupakan kepentingan Islamicjerusalem kepada kaum Muslimin, di mana rantau itu cukup bersejarah dengan kesan-kesan peninggalan para anbiya' terdahulu. Ia menjadikan rantau ini begitu penting dan signifikan di dalam Islam. Tidak ada sebab mengapa golongan Yahudi dan para orientalis bersungguh-sungguh menafikan kewujudan ataupun kepentingan rantau ini kepada umat Islam. Para orientalis moden cuba untuk merampas hak umat Islam ini secara argumentasi akademik, yang mana jika dilihat secara objektif, argumentasi akademik mereka sebenarnya tiada asas kukuh.

<sup>24</sup> Chomsky, Noam, "al-Aqsa Intifada," dalam *Mid-East Realities*, 28 Oct 2000. Lihat <http://www.hartford-hwp.com/archives/51a/092.html>, di akses pada 5 Ogos 2009.

<sup>25</sup> Ibid.

<sup>26</sup> *Ṣaḥīḥ Bukhārī, Kitāb al-Jum'ah, Bāb Faḍl al-Ṣalāh fī Masjid Makkah wa Madīnah*

## Harapan Masa Depan Palestin ... Era Obama?

Apakah masa depan Palestin era pemerintahan Barrack Hosen Obama sebagai Presiden Amerika Syarikat ke 44 ini? Jika ditinjau kembali, ramai yang memuji beliau melantik George Mitchell untuk menjadi utusan khas (special envoy) dalam usaha mewujudkan keamanan di Timur Tengah terutama dalam hal mendamaikan antara Arab-Israel. Chomsky di dalam tulisannya kelihatan berhati-hati dalam menerima Mitchell sebagai utusan khas. Chomsky turut melihat bahawa beberapa tindakan Obama seolah mahu meneruskan legasi yang ditinggalkan GW Bush. Obama dilihat bersetuju dengan usaha yang telah dilakukan Condolezza Rice sebelumnya yang telah bersetuju dengan Menteri Luar Israel Tzipi Livni untuk menutup pintu sempadan Mesir-Gaza untuk membendung penyeludupan senjata.<sup>27</sup> Dalam masa yang sama, tidak pula kelihatan suatu polisi yang keras dikenakan ke atas Israel. Oleh yang demikian, ramai menyimpulkan bahawa pergerakan Obama ini masih dibayangi oleh sikap lama US terhadap umat dan negara Islam.

Tidak dinafikan di sana ada beberapa aspek kemajuan yang dicapai dalam hubungan dengan Timur Tengah ketika pemerintahannya baru kira-kira 15 bulan. Pada 4 Jun 2009, ketika berucap di Universiti Kahehah, Cairo, Obama memberikan satu ucapan yang dilihat memberi sedikit kredit kepada masyarakat Islam. Beliau sendiri mengiktiraf bagaimana sumbangan yang diberikan Islam dalam membangun tamadun Eropah sehingga menjadi satu kuasa dunia. Kemajuan-kemajuan yang dicapai di Eropah banyak berpunca dari kemajuan yang telah dicapai ketika tamadun Islam berada di zaman kemuncak.

Ada 3 perkara yang berkait secara lansung dengan Timur Tengah disebut oleh beliau:

- i. *the United States does not accept the legitimacy of continued Israeli settlements* (US tidak menerima legitimasi kependudukan Israel yang berterusan.
- ii. *that the Palestinians should have a state of their own* (rakyat Palestin perlu mempunyai sebuah negara mereka tersendiri)
- iii. *Road Map* – menjalankan usaha damai seperti yang telah dirintis oleh bekas Presiden US, Bush.

Perkara ini disebut bagi membantu rakyat Palestin untuk diiktiraf dan mendapatkan sebuah negara. Dari aspek lain, Obama juga dilihat bijak mengambil hati umat Islam ketika mengatur ucapannya dengan menyebut bahawa “*it is undeniable that the Palestinian people—Muslims and Christians—have suffered in pursuit of a homeland.*” Walaubagaimanapun, Obama masih tidak boleh untuk bertindak bebas begitu sahaja kerana beliau harus mengambil hati golongan Yahudi terutama Yahudi di negara beliau. Ini kerana ramai dikalangan Yahudi di

---

<sup>27</sup> Chomsky, Noam (2009), “Obama on Israel-Palestine,” <http://www.chomsky.info/articles/20090124.htm> 24 Januari 2009, di akses pada 12 Ogos 2009.

sana yang memegang jawatan-jawatan strategik negara termasuk dalam hal ehwal polisi. Ini bermaksud, beliau juga dalam keadaan tersepit. Masih belum ada apa-apa kepastian samada negara Palestin itu akan betul-betul wujud atau ianya hanya pengulangan retorik jaminan mulut pemimpin-pemimpin besar dunia.

Golongan Palestin, walaupun ada yang ingin menerima jalan penyelesaian dengan mewujudkan 2 negara, tetapi penulis menjangkakan ramai juga yang menentang. Ini kerana untuk menerima solusi 2 negara ini, pihak Palestin perlu untuk mengiktiraf kewujudan Israel tersebut. Bagaimana untuk mereka mengiktiraf sebuah negara yang didirikan di atas tanah milik mereka sebelumnya? Ini satu persoalan menarik yang jika dirungkai, akan menemukan pelbagai jawapan dan analisis. Apakah kita mahu negara Palestin itu diwujudkan dahulu atau mereka mahukan sebuah negara yang solid tanpa Israel? Iran nampaknya sedikit mengendur pendirian mereka apabila menyatakan bahawa mereka akan menyokong sekiranya Palestin menerima solusi 2 negara, walaupun terpaksa menerima kewujudan negara Israel.

Walau apapun, kita dapati bahawa perbincangan untuk mewujudkan keamanan di Palestin sering menemui jalan buntu. Setiap selepas satu-satu perjanjian damai ditandatangani, ada sahaja peristiwa yang berlaku sehingga menjejaskan proses mencari damai. Dalam hal ini, saya suka melihat kepada kenyataan Gelvin, di mana beliau menyatakan:

*“There was a third reason why the land-for-peace was difficult to implement: Israeli attitudes toward the conquered territories. Some of the territories were relatively easy for Israel to part with. Some, more difficult. And the Israelis refused to put one piece of real estate – the portion of Jerusalem the annexed – on the table at all.”<sup>28</sup>*

Jelas bahawa usaha mencari damai di Palestin ini masih jauh dan berliku. Ia tidak terjamin walaupun Obama telah mengeluarkan satu kenyataan jelas menyokong proses damai serta ingin mewujudkan negara untuk rakyat Palestin. Harus diingat, pihak pelobi Zionis tidak akan berdiam diri dan tidak akan semudah itu memberikan laluan kepada mengiktiraf negara Palestin.

### **Langkah Langkah Untuk Membebaskan Palestin**

Beberapa langkah boleh dikenal pasti ke arah pembebasan Palestin secara total. Penulis berhasrat mengemukakan beberapa langkah awal yang dirasakan sesuai untuk difikir dan dicerna, juga sebagai bahan untuk perbincangan lanjut.

---

<sup>28</sup> Gelvin, James L. (2005), *The Israel – Palestine Conflict*, h. 182.

## 1. Rakyat mesti disedarkan tentang kepentingan Palestin dan Baitul Maqdis dalam Islam

Umat Islam mesti sedar bahawa Baitul Maqdis dan bumi Palestin ini sungguh bermakna dan mempunyai kaitan yang panjang dalam Islam. Baitul Maqdis merupakan tempat berlakunya Israk dan Mikraj, di mana Nabi Muhammad s.a.w telah menjadi tetamu Allah s.w.t dan Baitul Maqdis menjadi tanah perantara di dalam peristiwa ini. Firman-Nya:

سُبْحَانَ الَّذِي أَسْرَىٰ بِعَبْدِهِ ۗ لَيْلًا مِّنَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ إِلَى الْمَسْجِدِ الْأَقْصَا الَّذِي بَرَكْنَا حَوْلَهُ ۗ لِنُرِيَهُ ۗ مِنَ الْآيَاتِ ۗ إِنَّهُ ۗ هُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ

Maha Suci Allah yang telah memperjalankan hamba-Nya di malam hari dari al-Masjid al-Haram ke al-Masjid al-Aqsa yang diberkati persekitarannya, untuk ditunjukkan tanda-tanda kebesaran-Nya, Dia Maha Mendengar dan Maha Melihat (al-Isra' 15: 1).

Sebenarnya bagi Allah, Dia boleh menjemput Nabi s.a.w terus dari Mekah tanpa perlu ke Baitul Maqdis. Tetapi hakikat perjalanan itu dan persinggahan Nabi s.a.w di Baitul Maqdis telah memberikan impak yang besar justeru membuktikan bahawa ia merupakan suatu rantau yang sangat penting dalam Islam.

Al-Qaradawi menyebutkan bahawa Allah s.w.t menjadikan Baitul Maqdis sebagai persinggahan terakhir Nabi s.a.w di bumi sebelum baginda menjalani fasa kedua, Mikraj. Malah, perjalanan pulang turut melalui Baitul Maqdis. Di Baitul Maqdis juga menjadi tempat pengiktirafan Nabi s.a.w sebagai 'rahmatan li al-'alamin' di mana baginda telah menjadi imam solat kepada seluruh para anbiya' yang membuktikan bahawa baginda merupakan Nabi yang terakhir dan ajarannya merangkum apa yang telah dibawa oleh nabi-nabi terdahulu.<sup>29</sup>

Baitul Maqdis juga merupakan Qiblat pertama umat Islam, di mana Nabi Muhammad s.a.w dan para sahabat baginda menghadap wajah ketika solat. Mereka menghadap Baitul Maqdis di dalam solat ini selama kira-kira 16 hingga 17 bulan selepas dari peristiwa Israk dan Mikraj.<sup>30</sup> Ini turut membuktikan bahawa orang Islam tidak boleh memandang remeh soal Baitul Maqdis dan Palestin ini, kerana ia bukan isu masyarakat Arab semata-mata, tetapi ia merupakan isu seluruh umat Islam sedunia. Lihatlah betapa Baitul Maqdis itu begitu mulia sehingga menjadi Qiblat yang pertama di dalam Islam; apakah wajar kita membiarkannya sebagai masalah orang Arab sahaja? Qiblat umat Islam itu dipunyai oleh seluruh umat Islam, kita turut sama memilikinya, berkongsinya dan merasainya sebagai kepunyaan bersama.

<sup>29</sup> Al-Qaradawi, Yusuf (1997), "al-Quds fi al-Wa'yi al-Islami," *Journal of Islamic Jerusalem Studies*, Vol. 1, no. 1, Winter 1997, UK: Islamic Research Academy, h. 9.

<sup>30</sup> Lihat Hadith: صحيح البخاري - تفسير القرآن - قوله تعالى سيقول السفهاء من الناس ما ولاهم عن قبلتهم

Lalu menurut al-Kaylani, Allah s.w.t ketika membenarkan Nabi Muhammad s.a.w bertukar Qiblat ke Mekah, sebenarnya menunjukkan adanya hubungan erat antara Mekah dan Baitul Maqdis.<sup>31</sup> Hubungan saling kait-mengait antara kedua tempat ini secara spritual, yang mana hubungan itu telah diperteguh secara fizikal oleh Nabi s.a.w sebelumnya ketika peristiwa Israk dan Mikraj itu.

Dari segi sejarah pula, sudah terbukti bahawa apabila Palestin di bawah pemerintahan Islam, maka rantau tersebut kembali aman. Ini berlaku ketika zaman Saidina Umar al-Khattab, dan juga ketika Salahuddin al-Ayyubi berjaya menawan kota Baitul Maqdis. Oleh yang demikian, tidak hairanlah apabila sarjana barat Karen Armstrong menyatakan bahawa: “*Umar was faithful to the Islamic inclusive vision. Unlike the Jews and Christians, Muslims did not attempt to exclude others from Jerusalem’s holiness*”<sup>32</sup> Malah yang lebih menarik ialah Baitul Maqdis ketika itu terus didiami oleh masyarakat pelbagai agama dan Kristian merupakan penduduk majoriti.<sup>33</sup> Ini jelas membuktikan bahawa sikap Islam terhadap agama lain, dan sikap toleransi pemimpin yang berpegang kepada Islam, lantas diberikan jaminan keselamatan kepada mereka dalam satu dokumen yang dikenali sebagai “*al-'Uhda al-'Umariyah*”, iaitu jaminan Umar terhadap keselamatan penduduk Aelia (Baitul Maqdis) pada waktu itu. Oleh itu, kesedaran terhadap Palestin harus dipupuk dikalangan masyarakat agar mereka dapat merasai pemilikan tanah bersejarah itu merupakan hak milik umat Islam sejagat.

## **2. Israel Mesti di Desak Patuhi Resolusi PBB**

Telah sekian banyak resolusi yang dikeluarkan oleh PBB (United Nations) dan Majlis Keselamatan (Security Council) terhadap Israel, tetapi betapa angkuhnya Israel, mereka tidak mahu tunduk dan tidak mahu mengikut apa yang diputuskan diperingkat antarabangsa. Walaupun ada beberapa resolusi PBB itu merujuk kepada penubuhan dua negara Israel – Palestin, tetapi pematuhan Israel ke atas resolusi PBB itu mesti dijadikan syarat supaya mereka benar-benar boleh menjalankan apa yang diputuskan diperingkat antarabangsa.

Sebagai contoh, Israel tidak mematuhi kehendak Resolusi PBB 487 (1981) yang berbunyi: *Calls upon Israel to place its nuclear facilities under the safeguard of the UN’s International Atomic Energy Agency*. Begitu juga dengan Resolusi PBB 1402 (2002) yang menyatakan: *Calls for Israel to withdraw from Palestinian cities*. Mereka terus menunjukkan keangkuhan tidak mahu tunduk kepada apa yang telah diputuskan diperingkat antarabangsa. Selagi mereka tidak mahu patuh, selagi itulah umat Islam akan terus berjuang menentang kezaliman mereka dan seterusnya berjuang mengembalikan keamanan seperti yang telah dikecapi

---

<sup>31</sup> Al-Kaylani, Ibrahim Zayd (1999), “Markaziyyah al-Quds wa Makanatuhu fi al-Islam,” *Journal of Islamic Jerusalem Studies*, Vol. 2, no. 2, Summer, UK: Islamic Research Academy, h. 42.

<sup>32</sup> Armstrong, Karen (1997a). ‘Sacred Space: The Holiness of Islamic Jerusalem,’ *Journal of Islamic Jerusalem Studies*. Winter, Vol. 1, No. 1, UK: Islamic Research Academy, h. 14-15.

<sup>33</sup> *Ibid*, h. 14.

sebelum in idi bawah pemerintahan Islam. Inilah yang dilakukan oleh Hamas, Hizbullah dan lain-lain kumpulan sekarang ini bagi memperjuangkan nasib umat Islam di Palestin tersebut.

### **3. Tidak perlu bergantung kepada Amerika dan Sekutu**

Kuasa besar yang menguasai dunia pada hari ini, Amerika dan sekutunya berbuat apa sahaja dalam memerangi umat Islam. Mereka mencanangkan perang ke atas penganas (*war on terrorism*) yang akhirnya matlamat utama mereka adalah untuk melumpuhkan Islam. Mengapa mereka tidak melancarkan '*war on terrorism*' terhadap golongan penganas di Northern Ireland? Mengapa hanya negara dan umat Islam yang dicari? Apakah dosa umat Islam menentang Yahudi itu menyebabkan puak Kristian turut marah?

Walaupun digambarkan di atas bahawa Obama sudah mula berlembut dengan Islam, ia bukanlah suatu kepastian yang nyata untuk disimpulkan bahawa polisi luar negara tersebut telah berubah. Penulis lebih selesa jika umat Islam mencari jalan sendiri, bersatu di bawah panji-panji Islam demi untuk membela umat Islam di mana jua mereka berada. Sempadan geografi moden tidak dapat memutuskan silaturrahim, hubungan keagamaan di antara sesama Muslim.

Sebahagian di antara masyarakat Islam turut tidak mahu terlalu *obsess* dengan corak baru Presiden Amerika ini. Mereka turut mempunyai kebimbangan serta ingin berhati-hati dalam mengatur langkah dengan pihak non-Muslim. Barangkali jawapan terbaik mengapa mereka bersikap begitu boleh didapati dengan merujuk kepada nas al-Quran. Jelas, Allah s.w.t berfirman:

*Tidak akan sekali-kali orang Yahudi dan Nasrani akan reda ke atas kamu sehinggalah kamu mengikut ajaran mereka (al-Baqarah 2: 120).*

Seperti yang diketahui, Islam merangkumi segenap aspek kehidupan manusia, termasuklah siyasa. Mengapa bukan Islam perlu takut sekiranya umat Islam berpegang teguh pada ajaran agama? Sebenarnya mereka tidak perlu takut, tetapi itulah hakikatnya. Dalam hal ini, Lord Cromer, bekas Gabenor Mesir dan Sudan pernah mengatakan bahawa *England is prepared to give independence to all her colonioes, when there exist a generation of intellectuals who have been inbued with Western values, ready to take over the administration, but we will not allow the setting up of an Islamic state even for a second.*<sup>34</sup>

Ini jelas menunjukkan bahawa kuasa besar barat tidak mahu sesebuah Negara itu kembali kepada corak pemerintahan Islam, kerana mereka bimbang ia akan menghancurkan barat itu sendiri. Lantas, pergolakan antara Israel – Palestin turut

---

<sup>34</sup> Dolobran, Lloyd of and Gleichen, Edward (1993), "Egypt since Cromer," *Journal of the Royal African Society*, Vol. 32, No. 127 (Apr.), Oxford University Press, h. 113-122.



terkesan kerana kuasa barat ini mahu mengungguli kawasan Timur Tengah yang kaya dengan hasil petroleum itu. Sepanjang penglibatan Amerika ke atas isu ini, pergolakan tidak pernah terhenti, malah bertambah teruk. Minda mereka sama dengan apa yang diungkapkan oleh Lord Cromer tersebut. Tambah memedihkan, Amerika turut menggunakan veto untuk membenarkan Israel terus membina nuklear, yang jelas bercanggah dengan resolusi PBB 242, yang mahukan kawasan Timur Tengah bebas dari nuklear. Sikap *double-standard* yang ditunjukkan ini tidak akan membawa kepada kedamaian yang dicari. Oleh yang demikian, adalah wajar untuk menyelesaikan konflik yang berlaku tanpa penglibatan pihak yang mempunyai banyak kepentingan peribadi, melainkan sekiranya mereka betul-betul ikhlas mahu mewujudkan keadilan dan keamanan sejagat.

#### **4. Bebaskan Penganut Agama Yahudi Daripada fahaman Zionis**

Sebahagian sarjana melihat bahawa matlamat utama daripada penubuhan kumpulan Zionis adalah untuk mendirikan kerajaan Israel Raya. Sebenarnya umum mengetahui bahawa pendokong utama Zionis terdiri daripada mereka yang berfahaman Nasionalis Sekular. Oleh sebab itu, sebahagian Yahudi menyatakan fahaman zionis terutama untuk menubuhkan negara itu tiada kena mengena dengan agama mereka. Oleh sebab itu, ada dikalangan Rabbi Yahudi membantah kewujudan negara Israel itu sendiri. Namun, pihak sekularis Yahudi pula berbeza pandangan. Bagi golongan sekularis Yahudi, disebabkan mereka tidak mempunyai sebuah negara yang merdeka, perasaan rendah diri dan rasa diri mereka dihina menyebabkan mereka mengimpikan sebuah negara mereka sendiri. Mereka juga ditindas di negara-negara barat. Sehingga mereka ini dibunuh oleh pemimpin Jerman pada ketika itu, iaitu Ardolf Hitler.

Akibat daripada itu segelintir para pemimpin mereka telah memilih bumi Palestin sebagai tempat untuk menubuhkan sebuah negara sekular Yahudi. Fahaman ini telah mendominasi seluruh bangsa Yahudi sehinggakan Zionisme telah mewarnai kehidupan beragama mereka. Fahaman ini telah membawa kepada perubahan yang besar di dalam pemikiran bangsa Yahudi sehinggakan mereka menggunakan kaedah ‘matlamat menghalalkan cara’ atau *‘the ends justify the means’*. Mereka membunuh rakyat Palestin, menghalau serta merampas harta dan menjadikannya milik Yahudi dengan menggunakan kekerasan melampau tersebut.

Fahaman sekular ini mesti dikikis dari pemahaman kaum Yahudi. Masyarakat perlu diwar-warkan mengenai idea sonsang dan agenda zionis ini yang telah menyebabkan banyak huru-hara berlaku di zaman dunia moden kini. Seorang Rabbi bernama Israel David Wyce memberi amaran dengan jelas bahawa kewujudan negara Israel bercanggah dengan inspirasi Yahudi dan ianya jelas *“against God, against Torah, and against the Jewish religion.”*<sup>35</sup>

---

<sup>35</sup> *Jewish Rabbi: Israel a state against God!*

<http://www.arabicnews.com/ansub/Daily/Day/020509/2002050924.html>

## **5. Pemerkasaan Badan-badan Setempat dan Internasional**

Di rantau Nusantara ini ada terdapat sejumlah pertubuhan yang bekerja meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap isu Palestin. Ada pertubuhan yang bersifat politik juga turut membincangkan soal Palestin, dan ada pertubuhan yang bersifat badan bukan kerajaan. Oleh kerana isu Palestin ini merupakan isu umat sejagat, maka wajarlah bagi kita untuk memperkasa jaringan yang ada bagi menggarap isu-isu pembebasan Masjid al-Aqsa dan keseluruhan bumi Palestin itu. Tidak boleh tidak, kekuatan gagasan hubungan serantau perlu dioptimalkan atas memperkasa sesama ummat. Namun, kita harus berhati-hati serta perlu membersihkan diri daripada dijadikan alat untuk sesuatu agenda politik pihak-pihak tertentu yang bakal merugikan idealisme perjuangan Islam. Umpamanya menjadi agen kepada zionis ataupun proses damai tajaan Amerika yang tidak ke mana-mana itu.

Oleh yang demikian, sikap berhati-hati terhadap pihak-pihak berkepentingan politik pasti memungkinkan mereka tidak dapat bertindak lebih kritikal. Lantaran, kita akan lebih telus dan bebas dalam membuat penilaian terhadap sesuatu gagasan dan dalam bertindak. Begitu juga, dalam melihat soal pemerkasaan ini, kita seharusnya membebaskan diri daripada kemelut fanatik kepuakan yang melanda umat Islam. Dalam soal ini badan-badan yang ada perlu melihat setiap perkara menggunakan pendekatan *bird eyes* – melihat kepada matlamat yang lebih besar serta menilai elemen negatif dan positif setiap pihak yang terbabit. Cukuplah rasanya dengan pengalaman sejarah yang menyaksikan umat Islam bergaduh sesama sendiri sehingga melupakan isu utama agenda pembangunan ummah dan lupa terhadap musuh umat Islam yang sebenar. Sudah tentu jika pemerkasaan badan-badan tempatan dan internasional ini berterusan dan digembleng dengan baik, ia akan menambah kekuatan umat Islam dalam menangani isu-isu global yang menyentuh hati dan perasaan umat Islam seluruh dunia.

### **Penutup**

Menyantuni konflik Palestin ini bukanlah suatu perkara yang mudah, menanganinya bukan perkara yang boleh berlaku tanpa berusaha. Ia menuntut seluruh tenaga untuk memugar kesedaran ummah dalam memastikan penindasan yang berlaku ke atas umat Islam ini tidak berterusan selamanya. Usaha-usaha kesedaran, walau sekecil manapun usaha itu, sungguh akan membuahkan sesuatu yang pasti akan menggegarkan bumi yang dijajah Israel itu. Umat Islam dengan kekuatan akidahnya, tidak akan membiarkan rakan-rakan mereka terus dirundung nasib malang. Ayuh bergerak ke arah melahirkan masyarakat prihatin dan kumpulan *pressure group* bagi membangkitkan hal penindasan umat Islam Palestin ini di peringkat antarabangsa dan seterusnya menekan Israel agar mereka mematuhi keputusan-keputusan rasmi badan-badan berpengaruh seperti PBB dan juga Majlis Keselamatan PBB. Karen Armstrong (1997b: 246) menyatakan

bahawa di bawah pemerintahan Islam bermulanya era masyarakat boleh hidup dalam keadaan berbilang agama. Beliau menegaskan: “*The Muslims had established a system that enabled Jews, Christians and Muslims to live in Jerusalem together for the first time.*”

## **Bibliografi**

- Abdul Ghani Samsudin dan Mohd Roslan Mohd Nor (2008). ‘Beberapa Langkah Awal untuk Pembebasan al-Aqsa,’ kertas kerja yang dibentangkan di *al-Aqsha International Conference* pada 21 Ogos 2008, anjuran Center of Middle East Studies (COMES), di Auditorium Adhyana Wisma Antara Jakarta, Indonesia.
- Armstrong, Karen (1997a), ‘Sacred Space: The Holiness of Islamic Jerusalem,’ *Journal of Islamic Jerusalem Studies*. Winter, Vol. 1, No. 1, UK: Islamic Research Academy.
- \_\_\_\_\_ (1997b), *A History of Jerusalem: One City Three Faiths*. London: Harper Collins Publishers.
- Bard, Mitchell Geoffrey & Schwartz, Moshe (2005), *1001 Facts Everyone Should Know About Israel*, US: Rowman and Littlefield Publishers.
- Begin, Menachem (1951), *The Revolt: Story of the Irgun*, New York: Schuman.
- Cattan, Henry (1973), *Palestine and International Law*, London: Longman.
- \_\_\_\_\_ (1976), *Palestine and International Law*, UK: Longman Group Ltd.
- \_\_\_\_\_ (1981), *Jerusalem*, London: Croom Helm.
- Chomsky, Noam and Achcar, Gilbert (2008), *Perilous Power – The Middle East and US Foreign Policy: Dialogues on Terror, Democracy, War and Justice*, UK: Penguin Books.
- Dolobran, Lloyd of, and Gleichen, Edward (1993), ‘Egypt since Cromer’, *Journal of the Royal African Society*, Vol. 32, No. 127 (Apr.), Oxford University Press.
- Gelvin, James L. (2005), *The Israel-Palestine Conflict One Hundred Years of War*, Cambridge University Press
- Jacques de Reyneir (1950), *A Jerusalem un Drapeau Flottait sur la Ligne de Feu*, Baconniere, Neuchatel
- Al-Kaylani, Ibrahim Zayd (1999), Markaziyyah al-Quds wa Makanatuha fi al-Islam, *Journal of Islamic Jerusalem Studies*, Vol. 2, no. 2, Summer, UK: Islamic Research Academy.
- Levin, Harry (1950), *Jerusalem Embattled*, London: Gollancz.

- Mallison, W. Thomas and Mallison, Sally V. (1986), *The Palestine Problem in International Law and World Order*, UK: Longman Group Limited.
- Mendes-Flohr, Paul and Reinharz, Jehuda (1995), *The Jew in the Modern World: A Documentary History*, New York: Oxford University Press.
- Pappe, Ilan (1994), *The Making of the Arab-Israeli Conflict 1947 – 51*, London: I. B Tauris & Co Ltd.
- Al-Qaradawi, Yusuf (1997), 'al-Quds fi al-Wa'yi al-Islami,' dalam *Journal of Islamic Jerusalem Studies*, Vol. 1, no. 1, Winter 1997, UK: Islamic Research Academy.
- Sachar, Howard Morley (1963), *The Course of Modern Jewish History*, New York: A Delta Book.

Internet

- Noam Chomsky (2009), Obama on Israel-Palestine, <http://www.chomsky.info/articles/20090124.htm> 24 Januari 2009, di akses pada 12 Ogos 2009.
- Noam Chomsky, al-Aqsa Intifada, dalam *Mid-East Realies*, 28 Oct 2000. Lihat <http://www.hartford-hwp.com/archives/51a/092.html>, di akses pada 5 Ogos 2009.
- Jewish Rabbi: Israel a state against God!*  
<http://www.arabicnews.com/ansub/Daily/Day/020509/2002050924.html>
- [http://www.aqsa.org.uk/Portals/0/Leaflets/LF\\_22\\_USA&Israel.pdf](http://www.aqsa.org.uk/Portals/0/Leaflets/LF_22_USA&Israel.pdf), diakses pada 5 Ogos 2008.